

Presiden Gerakan Belia Gagasan 1Malaysia Tawar Tanding Ketua Pemuda Umno Kota Bharu
Bernama
1 Sept, 2013

KOTA BAHARU, 1 Sept (Bernama) -- Presiden Gerakan Belia Gagasan 1Malaysia Shahrul Nasrun Kamarudin menawarkan diri bertanding jawatan Ketua Pemuda Umno Kota Bharu pada pemilihan parti, Oktober depan.

Beliau berkata langkah itu diambilnya bagi menyahut seruan Presiden Umno Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak yang mahu melaksanakan transformasi politik, terutama untuk meraih kembali sokongan golongan muda di negara ini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kejohanan Futsal Merdeka 2013 Suara Generasiku di Pengkalan Chepa di sini Sabtu malam, Shahrul Nasrun, 27, anggota Pemuda Umno cawangan Atas Banggol di sini, berkata beliau akan membawa pendekatan drastik supaya Umno Bahagian Kota Bharu dekat dengan golongan muda.

Jawatan Ketua Pemuda Umno Kota Bharu kini kosong selepas penyandanginya, Datuk Rosmadi Ismail melepaskan jawatan tersebut atas faktor had umur.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974216>